

Kelab Mutiara anjur hari keluarga

st 31/03/08
pg-T13

KUALA TERENGGANU

– Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (Mutiara) akan mengadakan Program Sambutan Hari Keluarga pada hari ini 28 Mac 2008 (Jumaat), jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari di Dataran Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), UMT.



LAILI CHE ROSE

Pengerusinya, Laili Che Rose berkata, program berkenaan melibatkan penyertaan anggota kelab yang terdiri daripada kakitangan wanita UMT.

“Program Sambutan Hari Keluarga Mutiara akan dirasmikan Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin.

“Dengan penganjuran program ini, diharap hubungan antara anggota Kelab Mutiara akan bertambah erat dan saya yakin melalui program ini kita mampu berkongsi idea,” katanya.